

## **RASUAH DALAM PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DI ASIA TENGGERA: SATU TINJAUAN SKOP**

*(Corruption Within Law Enforcement in Southeast Asia: A Scoping Review)*

Nazirah Hassan

### **ABSTRAK**

Rasuah kini telah menjadi endemik dalam masyarakat. Agensi penguatkuasaan undang-undang dilihat sebagai salah satu entiti awam yang paling berisiko terdedah kepada rasuah. Artikel tinjauan literatur ini membincangkan tentang faktor penyebab rasuah dan penyelewengan dalam agensi polis di Asia Tenggara. Kaedah tinjauan skop terhadap kajian-kajian lepas telah diaplikasikan untuk tujuan tinjauan ini. Tujuh pangkalan data jurnal dalam talian telah digunakan untuk membuat pencarian artikel yang relevan diterbitkan di antara 1 Januari 2018 hingga 31 Julai 2021. Pencarian awal telah mengenal pasti 2226 artikel. Menerusi tapisan dan semakan kriteria kelayakan, hanya 19 artikel akhirnya dipilih. Hasil tinjauan mengenal pasti 10 faktor utama rasuah dalam agensi polis, termasuklah rasionalisasi, kepimpinan, pemantauan, aduan, birokrasi, latihan, desakan luaran, peluang, ganjaran dan akauntabiliti. Penemuan ini memberi impak kepada agensi polis, agensi anti-rasuah dan pembuat dasar untuk menambahbaik polisi, pelan tindakan rasuah dan strategi kawalan rasuah. Beberapa hala tuju kajian akan datang turut digariskan dalam tinjauan ini, terutamanya reka bentuk kajian berkaitan faktor penyebab.

**Kata kunci:** Rasuah, penyelewengan, penguatkuasaan undang-undang, Asia Tenggara, tinjauan skop.

### **ABSTRACT**

Corruption has now become endemic in society. Law enforcement agencies have been commonly viewed as one of the public entities most exposed to the risk of corruption. This review article discusses about causal factors of corruption and misappropriation within police departments in Southeast Asia. A scoping review of prior research was conducted to address purposes of the study. Seven online journal databases were searched for relevant articles published between January 1, 2018, and July 31, 2021. The initial search identified 2226 articles. Through an eligibility criteria screening and check, a total 19 articles were selected. Findings of the review identified 10 main causal factors of corruption in police departments, including rationalization, leadership, supervision, report, bureaucracy, training, external forces, opportunities, reward and accountability. This review has implications for police departments, anti-corruption agencies and policymakers to strengthen policy, corruption action plans and corruption control measures. Several important directions for future research are highlighted in this review, especially the design of studies to explore causality.

**Keywords:** Corruption, misappropriation, law enforcement, Southeast Asian, scoping review.

## PENGENALAN

Asia Tenggara terdiri daripada gabungan negara yang mencatatkan perkembangan ekonomi pesat, sekaligus menjadi penyumbang ekonomi ketujuh terbesar dunia (Schoeberlein 2020). Asia Tenggara terdiri daripada Singapura, Brunei, Malaysia, Indonesia, Vietnam, Thailand, Filipina, Laos (Lao PDR), Myanmar, Kemboja dan Timor-Leste. Pembentukan *Association of South East Asian Nations* (ASEAN) pada tahun 1967 telah menggabungkan kesemua negara tersebut kecuali Timor-Leste. Asia Tenggara turut menjadi salah satu destinasi penting pelaburan asing secara langsung yang mana mencatatkan peningkatan pelaburan sebanyak lima peratus iaitu merekodkan 156 bilion pada tahun 2019 berbanding 149 bilio pada tahun 2018 (UNCTAD 2020). Dari aspek governan, majoriti negara di Asia Tenggara masih lagi berisiko tinggi terdedah kepada rasuah. Singapura merupakan satu-satunya negara Asia Tenggara yang berjaya menghapuskan rasuah dan menjadi negara ketiga terbaik dunia bebas rasuah (Transparency International 2020). Sebaliknya, Kemboja dan Myanmar adalah negara yang merekodkan kawalan rasuah paling rendah dan berisiko tinggi terhadap jenayah rasuah (Transparency International 2020). Cabaran utama mengatasi rasuah di negara-negara Asia Tenggara adalah kekangan dedikasi kerajaan menangani rasuah dan kelemahan program anti-rasuah yang dilaksanakan.

Amalan rasuah sering dikaitkan dengan agensi penguatkuasaan undang-undang terutamanya agensi polis. Sebagai penguatkuasa, agensi polis berisiko tinggi untuk terdedah dengan gejala rasuah dan sering berdepan dengan krisis integriti. Transparency International (2020) mendefinisikan rasuah sebagai perbuatan salah guna kuasa untuk kepentingan peribadi. Bank Dunia (2020) mentafsir rasuah sebagai satu bentuk penyalahgunaan kuasa dalam kalangan penjawat awam dan korporat untuk kepentingan peribadi. Rasuah boleh berlaku dalam tiga keadaan; (1) penjawat awam meminta dan mengambil suapan daripada pemberi untuk melakukan sesuatu (perkhidmatan); (2) menyalah guna wang kerajaan atau menawarkan kerja atau jawatan kepada ahli keluarga atau rakan-rakan; (3) memberi suapan untuk merealisasikan tujuan atau perkara yang diinginkan (Transparency International, 2010). Rasuah dalam agensi polis boleh berlaku dalam tiga keadaan ini. Dalam agensi polis, rasuah adalah satu bentuk salah laku yang melanggar undang-undang dan boleh dikenakan tindakan tatatertib. Perbuatan rasuah boleh mencalar imej dan reputasi agensi polis, sekaligus menggugat kepercayaan orang awam terhadap agensi tersebut.

Laporan *Global Corruption Barometer* (GCB) di Asia yang terkini menunjukkan bahawa sebanyak 74 peratus (daripada 20 ribu responden) bersetuju bahawa rasuah dalam kerajaan adalah masalah besar bagi sesebuah negara (rujuk Jadual 1). Lebih membimbangkan lagi, satu daripada lima individu yang menggunakan perkhidmatan awam pernah memberi suapan dalam tempoh 12 bulan. Berdasarkan kedudukan dan skor *Corruption Perception Index* (CPI) pula hanya Singapura sahaja mencatatkan CPI tinggi iaitu 85, dan ini bermaksud Singapura menunjukkan kawalan rasuah yang sangat baik. Brunei dan Malaysia mencatatkan CPI 60 dan 53, dan angka ini bermaksud kawalan rasuah di kedua-dua negara berapa pada tahap sederhana. Manakala, negara-negara Asia Tenggara lainnya mencatatkan CPI yang rendah iaitu 40 dan kebawah. Rasuah dalam seting penguatkuasaan di Asia Tenggara terutamanya agensi polis telah menjadi endemik yang sangat membimbangkan dan tidak

terkawal. Faktor penyebab terhadap fenomena ini perlu dikenal pasti untuk merangka strategi kawalan rasuah yang berkesan di majoriti negara Asia Tenggara. Tinjauan literatur telah dilaksanakan bagi membuat pemetaan faktor penyebab yang menyumbang kepada amalan rasuah dan penyelewengan dalam seting penguatkuasaan undang-undang terutamanya agensi polis. Dengan menggunakan metod *scoping review*, tinjauan literatur telah dilaksanakan dengan mengambilkira kajian dari 11 negara Asia Tenggara.

Jadual 1: Kedudukan dan skor CPI 11 negara Asia Tenggara

Negara	Skor CPI /100	Kedudukan CPI Dunia /180	Persepsi masalah rasuah adalah besar	Peratusan individu memberi rasuah
Singapura	85	3	N/A	N/A
Brunei	60	35	N/A	N/A
Malaysia	53	51	71%	13%
Indonesia	37	102	92%	30%
Timor-Leste	40	86	N/A	N/A
Vietnam	36	104	64%	15%
Thailand	36	104	88%	24%
Filipina	34	115	86%	19%
Laos	29	134	N/A	N/A
Myanmar	28	137	50%	20%
Cambodia	21	160	33%	37%

Sumber: Transparency International (2020)

## METODOLOGI

Kaedah *scoping review* atau tinjauan skop telah dilaksanakan untuk meninjau faktor penyebab yang mempengaruhi tingkah laku penyelewengan dan rasuah dalam seting penguatkuasaan undang-undang di Asia Tenggara. Kaedah ini adalah sesuai digunakan untuk meneroka faktor penyebab dan mengenal pasti jurang kajian bagi merancang kajian masa hadapan (Yang, Ma, Zhao & Kankanhalli 2020). Kaedah ini juga sangat relevan untuk diaplikasikan berikutan kepelbagaian metod dan reka bentuk (termasuklah, kuantitatif, kualitatif dan campuran) bagi kajian-kajian lepas yang dipilih. Tinjauan sistematik atau meta-analisis tidak sesuai digunakan bagi tinjauan literatur yang mengambil kira metod dan reka bentuk yang pelbagai atau *heterogeneity* (Yang et al., 2020). Demikian, tinjauan ini telah menggunakan kaedah tinjauan skop berpandukan Arksey dan O'Malley (2005) dan Levac, Colquhoun dan O'Brien (2010). Tinjauan skop merangkumi enam tahap utama bermula dengan proses mengenal pasti persoalan kajian, mengenal pasti kajian yang relevan, pemilihan kajian, membentuk carta, menggabung/merumus/melapor data, dan perundingan.

## Strategi Pencarian

Persoalan utama tinjauan literatur ini adalah mengenai faktor penyebab yang mempengaruhi amalan rasuah dan tingkah laku penyelewengan dalam seting penguatkuasaan undang-undang

di Asia Tenggara. Berdasarkan persoalan ini, beberapa aspek telah dikenal pasti bagi merancang strategi pencarian; (1) faktor peribadi dan persekitaran sosial yang mempengaruhi rasuah dan penyelewengan; (2) seting penguatkuasaan undang-undang terhad kepada agensi polis; (3) Asia Tenggara yang merangkumi 11 buah negara (i.e. Singapura, Brunei, Malaysia, Indonesia, Timor-Leste, Vietnam, Thailand, Filipina, Laos, Myanmar dan Kemboja). Maka, strategi pencarian akan memfokus kepada tiga aspek tersebut.

Pencarian komprehensif telah dilakukan menerusi empat pengkalan data jurnal dalam talian iaitu ScienceDirect, Scopus, JSTOR dan Web of Science. Empat pengkalan data yang dipilih ini adalah pengkalan yang turut memuatkan data kajian sains sosial dan kemanusiaan, dan sering digunakan untuk tujuan pencarian literatur. Pengkalan data ini juga telah diakses menerusi langganan perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beberapa pengkalan data lain turut digunakan, namun hasil pencarian tidak menunjukkan kajian yang relevan atau terlalu sedikit. Strategi pencarian pada pengkalan data telah menggunakan beberapa terma atau kata kunci yang dikenal pasti menerusi aspek persoalan kajian (lihat Jadual 2). Terma digunakan dalam Bahasa Inggeris kerana ruang lingkup tinjauan ini adalah meliputi negara-negara di Asia Tenggara. Justeru, tinjauan adalah terhad kepada penerbitan Bahasa Inggeris. Terma Bahasa Melayu turut digunakan bagi pencarian artikel yang melaporkan kajian di Malaysia, Indonesia dan Brunei, namu tiada hasil pencarian ditemui. Justeru, pencarian menggunakan terma Bahasa Melayu diperluas dengan menggunakan pengkalan data Google Scholar.

Jadual 2: Kata kunci Strategi Pencarian

Pengkalan Data	Strategi Pencarian
ScienceDirect	(police-corruption-Singapura OR police-corruption-Brunei OR police-corruption-Malaysia OR police-corruption-Indonesia OR police-corruption-Timor-Leste OR police-corruption-Vietnam OR police-corruption-Thailand OR police-corruption-Philippines = 620) (police-corruption-Laos OR police-corruption-Myanmar OR police-corruption-Cambodia = 165) (police-integrity-Laos OR police-integrity-Myanmar OR police-integrity-Cambodia =108) (police-integrity-Singapura OR police- integrity-Brunei OR police- integrity-Malaysia OR police- integrity-Indonesia OR police- integrity-Timor-Leste OR police- integrity-Vietnam OR police-integrity-Thailand OR police-integrity-Philippines=499) (police-bribery-Singapura OR police-bribery-Brunei OR police-bribery-Malaysia OR police-bribery-Indonesia OR police-bribery-Timor-Leste OR police-bribery-Vietnam OR police- bribery-Thailand OR police-bribery-Philippines=115) (police-bribery-Laos OR police-bribery-Myanmar OR police-bribery-Cambodia=23) (Timespan: January 1, 2018 to July 31, 2021)
JSTOR	(police-corruption AND Singapura OR police-corruption AND Brunei OR police-corruption AND Malaysia OR police-corruption AND Indonesia = 61) (police-corruption AND Timor-Leste OR police-corruption AND Vietnam OR police-corruption AND Thailand OR police-corruption AND Philippines = 32) (police-corruption AND Laos OR police-corruption AND Myanmar OR police-corruption AND Cambodia = 24) (police-bribe AND Singapura OR police-bribe AND Brunei OR police-bribe AND Malaysia OR police-bribe AND Indonesia =17) (police-bribe AND Timor-Leste OR police-bribe AND Vietnam OR police-bribe AND Thailand OR police-bribe AND Philippines =78) (police-corruption AND Laos OR police-corruption AND Myanmar OR police-corruption AND Cambodia = 33) (police-integrity AND Singapura OR police-integrity AND Brunei OR police-integrity AND Malaysia OR police-integrity AND Indonesia = 32) (police-integrity AND Timor-Leste OR police-integrity AND Vietnam OR police-integrity AND Thailand OR police-integrity AND Philippines = 31) (police-integrity AND Laos OR police-integrity AND Myanmar OR police-integrity AND Cambodia =39) (Timespan: January 1, 2018 to

*Special Issue: Vol. 18. No.8 (2021). 196-212. ISSN: 1823-884x*  
*Theme: Social Issues and Challenges of The Covid Pandemic 19*

July 31, 2021)

Scopus ((TITLE-ABS-KEY(police corruption OR corrupt OR bribe OR integrity Singapore OR Brunei OR Malaysia OR Indonesia OR Timor-Leste OR Vietnam OR Thailand OR Philippines OR Laos OR Myanmar OR Cambodia) AND PUBYEAR > 2017) = 22


Web of Science (WOS) (police corruption OR corrupt OR misappropriation [Title] and Singapore OR Brunei OR Malaysia OR Indonesia OR Timor-Leste OR Vietnam OR Thailand OR Philippines OR Laos OR Myanmar OR Cambodia [Abstract] = 40) (police bribery OR bribe OR irregularities [Title] and Singapore OR Brunei OR Malaysia OR Indonesia OR Timor-Leste OR Vietnam OR Thailand OR Philippines OR Laos OR Myanmar OR Cambodia [Abstract] = 58) (Timespan: January 1, 2018 to July 31, 2021)

Google Scholar\* (polis AND rasuah OR integriti AND Singapore OR Brunei OR Malaysia OR Indonesia = 229)

### Pemilihan Kajian

Sebanyak 2226 artikel (sama ada artikel kajian, laporan kajian, bab dalam buku atau buku) telah dijana menerusi lima pengkalan data yang digunakan. Dengan menggunakan fungsi tapisan pada pengkalan data, kesemua artikel yang dijana ini telah diterbitkan diantara Januari 2018 sehingga Julai 2021. Namun, tidak semua artikel yang dijana ini menepati kriteria tujuan tinjauan literatur ini. Demikian, proses pemilihan artikel telah dilaksanakan dengan berpandukan kepada kriteria kelayakan. Berikut merupakan kriteria *inclusion* pemilihan artikel bagi tujuan tinjauan literatur ini; (1) penerbitan asli; (2) kajian empirikal; (3) mengkaji faktor rasuah dan penyelewengan; (4) skop kajian melibatkan negara-negara Asia Tenggara; (5) sampel kajian adalah polis atau penguatkuasa yang menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan undang-undang; dan (6) menggunakan metod sama ada kuantitatif, kualitatif atau campuran.

Rajah 1: Proses saringan dan pemilihan artikel kajian



Perincian proses saringan dan tapisan kelayakan artikel adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1. Perincian proses ini adalah adaptasi daripada carta aliran *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta Analyses* versi semakan (PRISMA 2020; Page et al. 2021). Sebanyak 372 artikel ditolak selepas proses saringan artikel berulang dan sebanyak 1809 telah dipilih untuk proses saringan tajuk dan abstrak. Proses saringan tajuk dan abstrak ini berlanjutan selama enam bulan bermula Februari 2021 sehingga Julai 2021. Hasil saringan mendapati bahawa sebanyak 1701 artikel ditolak kerana; (1) tidak relevan, n=992; (2) tidak

berkaitan dengan kajian negara Asia Tenggara, n=434; (3) artikel konsep, n=112; (4) artikel tidak boleh diakses, n=118. Maka, saringan artikel penuh hanya dibuat ke atas 153 artikel. Berdasarkan saringan artikel penuh, 134 artikel ditolak kerana tidak membincangkan tentang rasuah atau penyelewengan dalam konteks kepolisan dan penguatkuasaan. Demikian, hanya 21 artikel sahaja yang layak diambil kira untuk tinjauan literatur ini dan kesemua artikel ini dibincangkan pada dapatan kajian.

## DAPATAN TINJAUAN

Berdasarkan proses pencarian kajian yang relevan, hanya 19 artikel sahaja yang digunakan untuk mengenalpasti faktor penyumbang kepada rasuah dan penyelewengan dalam seting penguatkuasaan undang-undang di Asia Tenggara (lihat Jadual 3). Artikel yang dipilih ini membincangkan hasil kajian rasuah dan penyelewengan yang memfokus kepada sama ada satu negara, dua atau lebih, atau keseluruhan negara Asia Tenggara. Sebanyak tujuh artikel membincangkan dapatan berkaitan Filipina, lima artikel berkaitan Indonesia, empat artikel berkaitan Malaysia, empat artikel berkaitan Myanmar, tiga artikel berkaitan Thailand, tiga artikel berkaitan Singapura, satu artikel berkaitan Laos, Kemboja dan Brunei, dan lima artikel berkaitan Vietnam. Artikel berkaitan Timor-Leste tidak dapat diperolehi berikutan limitasi penerbitan kajian rasuah dalam seting penguatkuasaan di negara tersebut. Malah, maklumat berkaitan Timor-Leste turut tidak dibincangkan dalam kajian di Asia Tenggara (Ngich & Cho 2020).

Jadual 3 menunjukkan maklumat pengarang, reka bentuk kajian, objektif dan dapatan mengenai faktor rasuah dan penyelewengan bagi 19 artikel yang dipilih. Reka bentuk kajian adalah pelbagai, termasuklah temubual, kajian tinjauan, analisis dokumen dan semakan sistematik. Kajian temubual dan tinjauan turut menggunakan sampel sama ada anggota polis (pegawai tertinggi, pegawai, anggota), orang awam, pembuat dasar, pakar atau ahli akademik bidang rasuah, pengamal dan pegawai kerajaan. Terdapat juga kajian yang memfokus kepada individu yang terlibat secara langsung dengan rasuah. Sebagai contoh, Frank (2019) dalam kajiannya di Malaysia, telah menemu bual warga asing dan mendapati majoriti mereka pernah mempunyai pengalaman memberi suapan kepada pihak polis tempatan. Selain itu, beberapa kajian telah menggunakan sumber sekunder seperti kajian Schoeberlein (2020) yang menggunakan laporan *Global Corruption Barometer* bagi tahun 2020 dan Quah (2020) yang turut menggunakan *laporan Global Corruption Barometer (2004-2013)*, dan laporan *Partnership for Governance Reform in Indonesia* (PGRI) bagi tahun 2001 untuk membuat penelitian di Indonesia. Segelintir kajian menggunakan metod analisis dokumen seperti dasar, akta atau sebarang bentuk dokumen perundangan. Sebagai contoh Quah (2018) telah menganalisis perubahan polisi berkaitan rasuah di Singapura dan Harryarsana (2019) telah menganalisis hubungkait antara Kod Etika Polis dan peraturan budi bicara polis di Indonesia. Selain itu, satu kajian telah menggunakan pendekatan etnografi jangka panjang untuk mengkaji fenomena rasuah (Jensen & Hapal 2018) dan satu kajian sistematik telah dilaksanakan meneliti strategi kawalan rasuah di Asia Tenggara (Ngich & Cho 2020).

Jadual 3 turut menunjukkan objektif utama bagi 19 artikel yang dipilih. Objektif utama segelintir kajian memfokus kepada penularan dan faktor penyebab rasuah (Quah 2020; Said, Alam, Karim & Johari 2018). Segelintir kajian memberi fokus kepada strategi kawalan atau intervensi rasuah (Mian Yie & Abdul Rahman 2018; Ngich & Cho 2020). Manakala, segelintir kajian memfokus kepada aspek-aspek integriti, cabaran dan strategi agensi polis menangani

kes jenayah (Nguyen, Le & Luong 2020; Luong 2020). Terdapat kajian yang menekankan kejayaan dan keberkesanan menangani rasuah (Mendoza et al. 2021; Quah 2018). Walaupun rata-rata kajian tidak menggariskan faktor rasuah sebagai objektif utama, namun kesemua kajian tersebut turut membincangkan faktor penyebab rasuah dan kaitannya dengan tujuan kajian yang dikaji. Berdasarkan penelitian ini, sebanyak 10 faktor utama telah dikenal pasti sebagai penyumbang rasuah dan penyelewengan di Asia Tenggara.

Jadual 3: Maklumat kajian berkaitan faktor mempengaruhi rasuah dan penyelewengan di Asia Tenggara


Pengarang, Negara	Reka bentuk & sampel	Objektif/ Konteks Pengukuran Rasuah	Faktor Rasuah dan Penyelewengan
Mendoza et al., (2021), Filipina	Metod campuran, Dataset pegawai polis di National Capital Region (NCR)	Prestasi kepimpinan polis	Kelemahan kepimpinan; kualiti kepimpinan yang baik – personaliti <i>agreeableness &amp; neuroticism</i> & latihan kemahiran pengurusan
Batalla (2019), Filipina	Metod campuran, Philippines National Police	Penularan rasuah, faktor rasuah dan keberkesanan kawalan rasuah	Kelemahan kawalan dalaman; kekangan langkah kawalan rasuah, gaji rendah
Quah (2021), Filipina; Indonesia	Tinjauan Konteks ( <i>contextual review</i> ) melibatkan 5 negara – Filipina, Indonesia, Jepun, Korea Selatan & Taiwan	Faktor utama penyebab rasuah dan keberkesanan kerajaan mengawal	Gaji Rendah; <i>red tape</i> (kerenah birokrasi); akauntabiliti pegawai polis yang lemah; kekangan sistem merit untuk kenaikan pangkat
Quah (2020), Indonesia	Tinjauan data primer dan sekunder – Tinjauan ke atas persepsi orang awam.	Persepsi terhadap penularah rasuah dalam kalangan polis dan faktor penyebab.	Kekangan dana untuk menempatkan polis; gaji rendah kelemahan sistem merit untuk kenaikan pangkat; kekangan untuk mengesan & tiada hukuman wajar; budaya toleransi terhadap penyelewengan/rasuah
Said et al., (2018), Malaysia	Tinjauan ke atas 186 anggota polis.	Faktor penentu penyelewengan tingkah laku di tempat kerja	Tekanan kewangan; peluang dan kawalan dalaman lemah; rasionalisasi (rasuah menjadi rutin dan norma); praktis agama meningkat kawalan penyelewengan
Franck (2019), Malaysia	Pemerhatian dan temubual keatas 32 pekerja warga Myanmar	Pengalaman warga asing terhadap rasuah dalam kalangan polis	Sikap anggota polis (habit); budaya tawar menawar & penyelesaian di jalanan; <i>easy target</i> ; tiada pemantauan pihak atasan
Bak (2019), Myanmar	Temubual bersama ahli akademik, pakar dan pengamal	Pengetahuan rasuah dan anti-rasuah	budaya memberi suapan untuk mendapatkan khidmat polis; desakan sistem keadilan (e.g. hapuskan bahan bukti); hubungan peribadi; gaji rendah; kegagalan pengurusan; disiplin anggota yang sangat lemah; keganasan terhadap etnik minority
Prateppornnarong & Young (2018), Thailand	Temubual keatas anggota dan pegawai polis	Aduan dalaman sistem polis Thailand	Sistem <i>patronage</i> (arahan pihak atasan); birokrasi persaudaraan; budaya rasuah.
Quah (2018a),	Tinjauan Konteks	Pengalaman dan kejayaan	Kewujudan agensi anti-rasuah – kuasa

*Special Issue: Vol. 18. No.8 (2021). 196-212. ISSN: 1823-884x*  
*Theme: Social Issues and Challenges of The Covid Pandemic 19*

Singapura, Filipina	(contextual review) melibatkan 5 negara - Singapura, Hong Kong, Filipina, China dan India	Singapura menangani rasuah	menangani perundangan, kakitangan dan dana yang mencukupi; tiada campur tangan politik; hukuman setimpal kepada semua pihak; pendekatan komprehensif terhadap aduan rasuah
Nguyen et al., (2020), Vietnam	Metod campuran keatas pegawai polis	Cabaran dan isu pihak polis menanggapi eksploitasi seksual	Kekangan latihan yang berkualiti; Kerjasama antara agensi yang lemah.
Maung (2020), Vietnam	Temubual keatas pegawai atasan polis	Kepolisian berasaskan komuniti	Masalah birokrasi <i>red tape</i> ; disiplin anggota polis; peraturan & undang-undang yang lemah.
Schoeberlein (2020), Kemboja, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Filipina, Thailand & Vietnam	Analisis dapatan Global Barometer Corruption Edisi 2020.	Cabaran menangani rasuah di negara-negara ASEAN	Peningkatan masalah dadah/penyeludupan wang haram; budaya perlindungan kumpulan elit; hubungan peribadi; kekangan ketelusan dan tanggungjawab; isu anti-rasuah agensi; masalah melaporkan rasuah (kebebasan suara disekat)
Ngich & Cho (2020), Asia Tenggara	Kajian sistematik	Pelan tindakan anti-rasuah dan penambahbaikan	Desakan luaran/politik; penyertaan orang awam (whistle-blower); penguatkuasaan lemah; kawalan dalaman sistem kepimpinan
Luong (2020), Vietnam & Laos	Temubual kepada pegawai polis	Struktur organisasi penyeludupan Laos-Vietnam	Peningkatan penyeludupan dadah/ jenayah rentas sempadan; kawalan dan pemantauan dalaman sangat lemah
Harryarsana (2019), Indonesia	Analisis dokumen (normative legal method)	Hubungan antara pelaksanaan undang-undang mengikut budi bicara dan Kod Etika Profesional Polis	Akauntabiliti lemah; praktis budi bicara yang tidak tepat; kuasa polis meneruskan kes atau tidak
Jensen & Hapal (2018), Filipina	Kajian etnografi jangka panjang	Hubungan antara rasuah dan keganasan menanggapi masalah dadah	Rasuah dalam sistem; budaya mendapatkan duit dengan ugutan/keganasan; peningkatan masalah dadah
Aung & May (2019), Myanmar	Kajian tinjauan keatas orang awam	Kepercayaan orang awam terhadap sistem/agensi polis	Tiada penyertaan orang awam; peluang suapan kepada terhadap kegiatan jenayah/ eksploitasi etnik
Quah (2018b), Singapura	Analisis dokumen/polisi	Perubahan polisi bermula tahun 1959-2016 berdasarkan 5 faktor kejayaan menanggapi rasuah	Kepimpinan <i>pragmatic</i> , agensi anti-rasuah yang efektif; pembayaran gaji setimpal;
Mian Yie & Abdul Rahman (2018), Brunei	Laporan sistem keadilan jenayah negara	Penularan rasuah dan strategi kawalan	Kurang penghayatan spiritual; masalah kepimpinan; kelemahan pemantauan



Rajah 2: Faktor rasuah dalam seting penguatkuasaan undang-undang Asia Tenggara



Rajah 2 menunjukkan 10 faktor utama penyumbang rasuah dalam seting penguatkuasaan undang-undang. Berdasarkan penelitian, faktor penyumbang rasuah boleh dibahagikan kepada tiga sumber utama iaitu agensi, luaran dan peribadi. Faktor agensi dicirikan oleh situasi agensi yang merasionalkan pengambilan rasuah, kepimpinan yang menerima rasuah dan tidak tegas, pemantauan dalaman yang lemah, budaya tidak menggalakkan dan tidak mengambil serius aduan rasuah (sama ada dari pihak dalaman atau orang awam), kerenah birokrasi atau birokrasi yang terlalu rigid (*red tape*), dan ketiadaan latihan atau pendidikan berkesan berkaitan integriti terhadap anggota. Faktor luaran dicirikan oleh desakan luaran iaitu campur tangan ahli politik, desakan individu yang berpengaruh dan desakan/ugutan ketua-ketua sindiket. Faktor luaran turut dicirikan oleh kewujudan peluang untuk pihak berkuasa mengambil kesempatan seperti kewujudan peluang untuk bersekongkol dengan sindiket dadah, pelacuran dan perjudian. Tinjauan literatur ini turut mendapati faktor peribadi sebagai penyumbang rasuah dan faktor ini dicirikan oleh masalah akauntabiliti anggota dan masalah kewangan. Kesemua faktor yang digariskan ini adalah hasil penelitian 19 artikel yang membincangkan dapatan empirikal rasuah dalam seting penguatkuasaan undang-undang di Asia Tenggara.

## PERBINCANGAN

Sebanyak 10 faktor dikenal pasti sebagai penyumbang budaya rasuah di seting penguatkuasaan, terutamanya agensi polis. Agensi itu sendiri adalah penyebab utama rasuah kekal 'menular', 'berjangkit' dan 'diwarisi' dalam kalangan pegawai dan anggota polis. Segelintir kajian mendapati suapan sebagai keperluan untuk menggunakan perkhidmatan polis. Di Myanmar, orang awam dikehendaki untuk membuat pembayaran (suapan) untuk menggunakan khidmat polis atau khidmat dari agensi perkhidmatan awam bermula dari sekecil-kecil urusan mendapatkan maklumat, memperolehi lesen sehinggalah mendapatkan tender projek (Bak 2019). Hal ini disokong oleh laporan *Global Corruption Brometer 2017* yang melaporkan sebanyak 40 peratus rakyat Myanmar membayar suapan untuk mendapat

akses kepada perkhidmatan asas (Transparency International 2017). Situasi ini menggambarkan rasuah sebagai perbuatan yang diterima oleh komuniti seting penguatkuasaan atau menjadi 'normalisasi'. Proses 'normalisasi' ini berlaku apabila kumpulan yang menerima suapan (sebagai kebiasaan) merasionalkan perbuatan tersebut dan kumpulan yang menjadi saksi hanya mendiamkan diri dan tidak mengambil peduli. Tambahan pula, segelintir orang awam turut menyokong perbuatan ini berikutan desakan untuk melancarkan urusan atau takut dengan hukuman yang akan diterima. Di Filipina, budaya 'tawar-menawar' antara polis dan orang awam (terutamanya pesalah) adalah berleluasa, sehinggakan segelintir anggota polis menggalakkan suapan untuk menutup kes jenayah (Jensen & Hapal 2018).

Normalisasi rasuah ini turut dikaitkan dengan kepimpinan yang lemah. Kajian mendapati bahawa kepimpinan yang berkualiti adalah jaminan kepada keberkesanan penyampaian perkhidmatan dan kejayaan menangani rasuah (Mendoza et al. 2016; Quah 2018). Namun, beberapa negara di Asia Tenggara melaporkan kepimpinan agensi penguatkuasaan yang tidak tegas dan gagal. Kegagalan ini termasuklah penglibatan dan penerimaan perbuatan rasuah dalam kalangan pegawai tertinggi agensi polis, dan pengendalian proses siasatan yang tidak telus dan hukuman yang tidak setimpal. Di Thailand, dalam komuniti polis, pegawai atasan akan memberi arahan kepada subordinat untuk mengambil wang suapan dari pemberi (Prateppornnarong & Young 2018). Demikian, pegawai atasan dan subordinat perlu membina hubungan rapat untuk melindungi antara satu sama lain, dan ini dikenali sebagai budaya *patronage*. Budaya ini telah sebatu dalam agensi polis Thailand, dan sukar untuk dihapuskan kerana barisan kepimpinan (pegawai atasan) telah menanamkan budaya *patronage* dalam kalangan anggota polis muda secara berterusan demi kepentingan sendiri (Prateppornnarong & Young 2018). Mian Yie dan Abd Rahman (2018) turut menegaskan bahawa perbuatan rasuah sering dilakukan oleh barisan kepimpinan atau pegawai atasan kerana kuasa, pengaruh dan status yang dipegang. Kegagalan dalam kepimpinan ini menunjukkan model yang tidak baik kepada subordinat dan mencalar imej agensi penguatkuasaan (Hassan, Razali & Mohamad 2021).

Kegagalan kepimpinan ini juga boleh dikaitkan dengan kelemahan pemantauan. Rasuah pernah menjadi endemik di Singapura (pada zaman selepas perang) apabila pemantauan dalaman yang sangat lemah oleh pegawai atasan telah mewujudkan pelbagai peluang rasuah dengan risiko yang minimum untuk ditangkap atau dihukum (Quah 1982 in Quah 2018b). Sehingga kini, Singapura berjaya mengekang situasi ini dan menjadi antara negara terbaik menangani rasuah dalam penguatkuasaan. Namun, rata-rata negara di Asia Tenggara masih gagal mengamalkan pemantauan yang berkesan. Faktor pemantauan dalaman yang lemah menjadikan Malaysia antara negara yang mencatatkan risiko rasuah tinggi dalam seting penguatkuasaan. Pemantauan lemah membuka ruang kepada pegawai dan anggota (individu korup) untuk memanipulasi sistem supaya perbuatan penyelewengan mereka tidak dapat dikesan dan ini menyebabkan perbuatan rasuah tidak dapat dikawal dalam agensi (Said et al. 2018). Malah, kelemahan pemantauan dan ketiadaan tindakan untuk mengawal penyelewengan membuka ruang untuk anggota dan pegawai polis (yang mudah terpedaya) untuk bersekongkol dengan sindiket dan menyumbang kepada peningkatan aktiviti jenayah, seperti penyeludupan dadah terutamanya (Luong 2020). Kelemahan pemantauan boleh dicirikan oleh ketiadaan sistem pemantauan sistematik, ketiadaan pegawai untuk menegur atau menambahbaik saluran perkhidmatan, kegagalan pegawai untuk mengambil tindakan terhadap penyelewengan yang berlaku dan kelemahan pengendalian sistem aduan.

Tinjauan literatur ini turut menggariskan masalah aduan sebagai salah satu faktor rasuah dalam agensi penguatkuasaan. Antara kejayaan Singapura menangani rasuah adalah pengendalian rasuah yang komprehensif (Quah 2018a). Menerusi pendekatan ini, agensi polis mengambil serius semua bentuk aduan dengan meneliti setiap laporan, mengambil tindakan secara adil dan membuat penyiasatan secara telus. Hukuman yang dikenakan juga adalah wajar dan setimpal dengan jenayah yang dilakukan. Namun, sesetengah sistem penguatkuasaan di Asia Tenggara, gagal mengambil tindakan terhadap aduan rasuah dan tidak telus dalam melaksanakan penyiasatan (Ngich & Cho, 2020). Malah, agensi penguatkuasaan di sesetengah negara tidak mengenakan hukuman wajar kepada anggota dan pegawai polis yang terlibat dengan perbuatan rasuah. Di Indonesia, perbuatan rasuah adalah sukar untuk dikenal pasti dan tiada hukuman yang akan dikenakan kepada pihak polis yang terlibat dengan penyelewengan ini berikutan normalisasi perbuatan tersebut (Quah 2020). Masalah aduan juga turut dikaitkan dengan kegagalan pihak berkuasa melibatkan penyertaan masyarakat menangani rasuah dan sekatan mereka untuk bersuara (Ngich & Cho 2020; Schoeberlein 2020). Penyertaan masyarakat dan sekatan bersuara yang dimaksudkan ini adalah aduan mesyarakat. Masyarakat mempunyai hubungan secara langsung dengan perkhidmatan yang disalurkan oleh agensi polis, justeru mereka mempunyai maklumat berkaitan penyelewengan pegawai atau anggota polis. Namun, sistem yang tidak menggalakkan aduan dan tidak mengambil serius aduan hanya akan menyumbang kepada perbuatan rasuah secara berterusan.

Birokrasi turut menjadi faktor penting penyumbang perbuatan rasuah dalam seting penguatkuasaan. Birokrasi yang terlalu rigid atau *red tape* membuka peluang kepada peningkatan rasuah di agensi (Maung 2020; Quah 2021). Prosedur yang terlalu ketat dan proses yang melibatkan pelbagai peringkat menyebabkan sesetengah individu yang menggunakan perkhidmatan agensi mengambil jalan mudah dengan memberi suapan kepada pihak polis. Mereka yang terlibat (sama ada pemberi atau penerima) menganggap perkara ini sebagai 'pertolongan' dan merasionalkan perbuatan ini sebagai bermoral. Tambahan pula, kuasa yang ada pada pihak polis menyebabkan segelintir mereka menyalahgunakan kuasa dengan menggalakkan 'penyelesaian luar balai' dengan mengenakan bayaran untuk melancarkan urusan (Harryarsana 2019).

Rasuah turut dikaitkan dengan faktor luaran. Hasil tinjauan negara Asia Tenggara melaporkan desakan luaran dan peluang yang wujud menyebabkan rasuah menular dalam seting penguatkuasaan undang-undang. Kejayaan Singapura membanteras rasuah adalah keupayaan agensi polis untuk menguatkuasa undang-undang tanpa campur tangan ahli politik (Quah 2018a). Kebanyakan ahli politik adalah kumpulan pemimpin yang seolah-olah (pada bila-bila masa) mempunyai kuasa atau hak untuk mencampuri urusan agensi polis menguatkuasa undang-undang. Campur tangan ini terjadi dari sekecil-kecil 'penyelesaian luar balai' sehinggalah mengarahkan agensi polis untuk menghapuskan bahan bukti (bagi kes jenayah sama ada kecil atau yang berprofil tinggi; Bak 2019). Masalah utama segelintir negara apabila agensi polis dipimpin oleh pemimpin korup (sama ada barisan kepimpinan tertinggi atau kementerian) dan kesilapan utama apabila agensi bergantung kepada pemimpin korup ini untuk menangani masalah rasuah (Quah 2021). Sebaliknya, komitmen ahli politik (yang professional dan telus) untuk menangani masalah rasuah dan masalah sosial lainnya (*political will*) mampu menambah baik governan dan mengurangkan rasuah dalam agensi polis (Ngich & Cho 2020). Hal ini kerana, ahli politik akan menggunakan kuasa mereka untuk mendesak agensi polis supaya menambahbaik governan dan melaksana peraturan mengikut undang-

undang, disamping menyediakan sumber atau dana yang mencukupi (Senior 2006). Demikian, mengurangkan risiko dan peluang rasuah dalam seting penguatkuasaan.

Peluang rasuah boleh dijelaskan dalam dua keadaan, iaitu peningkatan masalah jenayah *profit-driven* dan kewujudan kumpulan minoriti yang lemah. Jenayah *profit-driven* boleh dikaitkan dengan jenayah berasaskan 'pasaran' seperti jenayah komersil, perjudian, pelacuran dan dadah (Naylor 2003). Peningkatan jenayah seumpama ini membuka peluang kepada pegawai dan anggota polis untuk terlibat dalam budaya rasuah. Keuntungan jenayah ini menjanjikan ganjaran yang besar kepada pihak polis yang terlibat, justeru menggalakkan keterlibatan berterusan segelintir pihak. Dalam situasi tertentu, segelintir anggota dan pegawai polis 'dibela' oleh ketua sindiket dan dibayar ratusan ribu (sama ada dalam bentuk wang atau kebendaan) untuk menutup, melindungi dan melancarkan aktiviti jenayah sindiket. Di Malaysia, polis melaporkan seramai 34 anggota penguatkuasa disyaki bersekongkol dengan 'Geng Nicky' iaitu sindiket jenayah terancang (termasuklah jenayah Macau Scam dan penggubahan wang haram) yang didalangi oleh individu yang berpengaruh dan mempunyai kaitan dengan kongsi gelap (Berita Harian, 2021a). Di Myanmar, pihak polis sering dilaporkan terlibat dengan penyeludupan dadah dan penyeludupan manusia (Bak 2019). Keterlibatan pihak polis juga melancarkan lagi dan menggalakkan penyeludupan dadah di sempadan Laos dan Vietnam (Luong 2020). Filipina juga melaporkan peningkatan peluang rasuah disebabkan oleh peningkatan masalah dadah di negara tersebut (Jensen & Hapal 2018).

Faktor peluang juga dikaitkan dengan kewujudan kumpulan minoriti atau kumpulan rentan. Anggota polis di segelintir negara mengambil kesempatan dan mengeksploitasi kumpulan minoriti ini dengan menggunakan kesalahan undang-undang sebagai alasan. Di Malaysia, segelintir anggota polis mengambil kesempatan ke atas warga asing (termasuklah warga asing dengan permit, tanpa permit dan pelarian) dengan meminta mereka untuk memberikan wang suapan untuk menutup kesalahan (Franck 2019). Dalam situasi tertentu, pihak polis menggunakan paksaan atau ugutan (dengan menakut-nakutkan untuk ditangkap, dikenakan hukuman penjara atau dipulang ke negara asal) untuk mendapatkan suapan. Dalam situasi lainnya, segelintir individu menawarkan wang suapan atau 'duit kopi' kepada pihak berkuasa kerana seolah-oleh sudah memahami motif sebenar mereka ditahan di jalanan. Malah, keadaan ini memudahkan kedua-dua pihak kerana bersetuju untuk membuat 'penyelesaian di jalanan' (Franck 2019).

Segelintir pihak polis cenderung untuk menyalah gunakan kuasa mereka dengan membuat ugutan terhadap individu atau kumpulan tertentu (atau mangsa) dan menafikan hak kumpulan rentan. Malah, segelintir mereka berani untuk bersekongkol dengan penjenayah dan membelakangi undang-undang. Situasi ini berkait rapat dengan masalah akauntabiliti anggota atau pegawai polis. Akauntabiliti dicirikan oleh anggota polis yang profesional, mempunyai sikap menghormati yang tinggi, mematuhi undang-undang, memberi respon terhadap orang awam, dan bertanggungjawab menjalankan tugas dan mengekalkan legitimasi (imej) agensi polis (Walker & Archbold 2020). Kelemahan akauntabiliti menyebabkan segelintir anggota polis dilaporkan mudah terjebak dengan tingkah laku tidak bermoral, termasuklah menggunakan kekerasan, penyelewengan dan menerima rasuah. Keadaan ini mungkin disebabkan kuasa yang diberikan, tekanan kerja, desakan daripada mana-mana pihak atau pembelajaran sosial persekitaran agensi. Kelemahan dalam akauntabiliti ini mencalar imej agensi polis dan menggugat kepercayaan rakyat terhadap agensi (Prateppornnarong & Young 2018; Said et al. 2018). Akauntabiliti turut mempengaruhi praktis budi bicara anggota polis. Di Indonesia, pihak polis mempunyai kuasa budi bicara dan kuasa ini memberi kebebasan kepada

pihak polis untuk membuat keputusan (Harryarsana 2019). Kuasa budi bicara ini juga adalah ketara dalam seting penguatkuasaan di Filipina apabila pihak polis boleh membuat keputusan sama ada ingin meneruskan atau menutup kes-kes tertentu (Jensen & Hapal 2018). Kuasa budi bicara ini membuka peluang dan ruang kepada perbuatan rasuah dan kelemahan akauntabiliti menyebabkan segelintir anggota dan pegawai terjebak dengan rasuah dan penyelewengan.

Kesilapan besar agensi polis apabila gagal memperkukuh akauntabiliti anggota dan pegawai. Hal ini berlaku disebabkan sekurang-kurangnya empat perkara; (1) kesilapan memilih anggota sewaktu proses pengambilan; (2) kelemahan pemantauan rapi; (3) panduan tatatertib dan hukuman yang tidak jelas; (4) ketiadaan latihan yang berkesan dan berterusan untuk memperkukuh akauntabiliti. Latihan dan pendidikan adalah elemen penting dalam usaha mengawal rasuah dalam seting penguatkuasaan. Kebanyakan seting penguatkuasaan di negara Asia Tenggara gagal melaksana latihan berkaitan rasuah dan integriti yang berkesan terhadap anggota dan pegawai (Schoeberlein 2020; Ngich & Cho 2020). Salah satu kejayaan Singapura mengawal rasuah adalah menerusi pendidikan dan latihan, yang mana pegawai polis telah dihantar menghadiri latihan atau program yang mengkhusus kepada pengurusan dan profesionalisme secara berterusan (Quah 2018b). Malah, dalam tempoh 57 tahun, Singapura telah melabur sejumlah wang dalam sektor pendidikan yang bertujuan untuk melahirkan rakyat yang berkualiti dan bebas rasuah (Quah 2018b).

Akhir sekali, tinjauan literatur ini menggariskan ganjaran atau wang sebagai faktor utama ketelibat pegawai dan anggota polis dalam rasuah. Beberapa kajian di Asia Tenggara menunjukkan bahawa gaji yang rendah menyebabkan segelintir anggota terjebak dengan rasuah. Di Filipina, gaji bulanan yang rendah diterima oleh penjawat awam termasuklah polis iaitu diantara \$194 hingga \$277 mendesak mereka untuk terlibat dengan kegiatan rasuah (Batalla 2019; Quah 2018a). Begitu juga di beberapa negara lain seperti Indonesia dan Myanmar, yang mana anggota polis hanya menerima gaji minimum dan keadaan ini mendesak mereka untuk mendapatkan duit sampingan dengan menerima rasuah walaupun jumlah yang sedikit (Quah 2020; Bak 2019). Tekanan kewangan berikutan kos sara hidup yang tinggi dan beban hutang mendesak segelintir anggota polis untuk menerima rasuah terutama kepada mereka yang ditugaskan di bandar-bandar besar. Namun, terdapat situasi dimana segelintir anggota polis memilih untuk menerima rasuah kerana sikap 'tamak' dan keinginan 'gaya hidup mewah.' Ganjaran yang diberikan oleh pemberi rasuah (terutamanya daripada sindiket) adalah sangat lumayan dan mampu memberi kepuasan kepada penerima rasuah. Di Malaysia, polis melaporkan bahawa dua pegawai polis berpangkat tinggi meminta dan menerima suapan berjumlah RM200 ribu (Berita Harian 2021b). Indonesia pula melaporkan dua pegawai polis berpangkat tinggi menerima rasuah sebanyak RP 8.3 juta membantu pesalah memadamkan status notis merah Polis Antarabangsa (INTERPOL, The Jakarta Post 2020). Laporan ini menunjukkan bahawa segelintir pegawai polis menerima rasuah akibat didorong oleh sikap tamak, keinginan hidup mewah dan desakan kewangan. Desakan kewangan menuntut kerajaan untuk menilai semula pembayaran gaji kerana kajian menemukan bahawa pembayaran gaji rendah terhadap penjawat awam telah banyak memusnahkan reputasi kerajaan di Asia (Lee 2000).

Kesemua 10 faktor rasuah yang dibincangkan adalah berkait antara satu sama lain. Kegagalan kepimpinan hanya akan mengekalkan rasionalisasi rasuah di agensi polis, sekaligus mengekang pemantauan sistematik di agensi. Malah, pemantauan yang lemah dan birokrasi yang terlalu ketat akan mewujudkan peluang-peluang rasuah dalam kalangan pegawai dan anggota polis. Peluang rasuah juga meningkat apabila wujud desakan luaran dan kelemahan

akauntabiliti pihak berkuasa. Penemuan tinjauan literatur ini memberi implikasi kepada perancangan kajian saintifik pada masa akan datang. Kajian saintifik diperlukan bagi membantu agensi penguatkuasaan untuk merancang pelan tindakan dan program pemantapan integriti yang berkesan. Perkara ini menggalakkan *evidence-based policing* iaitu satu pendekatan yang menggunakan bukti-bukti empirikal (dari kajian saintifik) untuk menambahbaik polisi, praktis dan pembuatan keputusan dalam seting penguatkuasaan. Berpandukan hasil tinjauan ini, kajian pada masa akan datang boleh dilaksanakan dengan membuat penelitian mendalam kepada satu atau beberapa faktor rasuah, dan pendekatan kualitatif seperti temubual mendalam atau kajian kes boleh dilaksanakan. Kajian juga boleh memfokus kepada kesemua 10 faktor ini dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Penyelidik boleh membina soal-selidik yang merangkumi kesemua faktor dan mengedarkannya kepada anggota dan pegawai polis. Pendekatan ini adalah komprehensif dan boleh melibatkan jumlah sampel yang besar dari seluruh negara. Selain itu, kajian tindakan juga boleh dilaksanakan dengan merangka aktiviti (sama ada dalam bentuk modul, program atau kursus) untuk mengawal salah satu faktor atau beberapa faktor rasuah, dan membuat pengujian sebelum dan selepas. Kajian evaluasi dengan mengambil kira persepsi anggota atau orang awam juga boleh dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan tinjauan kuantitatif. Evaluasi boleh memfokus kepada kesemua 10 faktor atau beberapa faktor yang berkaitan.

## **KESIMPULAN**

Tinjauan literatur ini telah mengenal pasti sekurang-kurangnya 10 faktor menyumbang kepada rasuah dalam seting penguatkuasaan di Asia Tenggara. Limitasi tinjauan literatur ini adalah ketiadaan maklumat berkaitan Timor-Leste dan kekangan maklumat dari negara-negara tertentu seperti Laos dan Brunei. Namun, dapatan ini boleh digunakan untuk memahami rasuah di Asia Tenggara secara keseluruhan berikutan proses pemilihan artikel yang dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh kepada 11 buah negara. Dapat disimpulkan bahawa, rasuah dalam seting penguatkuasaan dilihat sebagai endemik. Rasuah telah melalui proses 'normalisasi' di kebanyakan negara di Asia Tenggara dan seolah-olah diterima oleh komuniti seting penguatkuasaan undang-undang. Rasuah adalah perbuatan yang boleh 'berjangkit' dan 'diwarisi,' demikian menjadikan rasuah mustahil untuk dihapuskan. Kesilapan dalam agensi penguatkuasaan apabila mereka dikawal oleh kumpulan kepimpinan yang korup dan terpaksa bergantung kepada keputusan kumpulan tersebut. Demikian, pendekatan *top-down* adalah kurang berkesan menangani rasuah. Malah, pendekatan *bottom-up* juga mungkin kurang berkesan akibat rasuah yang sudah menjadi endemik dalam agensi, dan anggota bawahan yang dikawal oleh segelintir pemimpin korup. Sebaliknya, pendekatan kepolisan-masyarakat dilihat mampu mengawal rasuah dalam agensi polis. Pendekatan ini boleh dilaksanakan dengan menggalakkan aduan dari orang awam dan menggunakan kuasa orang awam untuk menyokong tindakan agensi polis menangani rasuah. Penglibatan orang awam dalam agensi polis akan meningkatkan keberkesanan saluran perkhidmatan dari aspek ketelusan menjalankan penyiasatan, mengurangkan campur tangan politik, mengambil serius aduan awam dan meningkatkan pemantauan. Orang awam boleh menggunakan saluran media sosial sebagai 'senjata' untuk membuat aduan berkaitan integriti polis, dan hal ini akan mendesak agensi polis untuk mengambil tindakan proaktif dan sewajarnya. Agensi polis perlu akur dengan hak orang awam untuk bersuara, dan seharusnya menerima aduan orang awam ini secara terbuka demi kepentingan agensi. Agensi polis juga harus menerima kelemahan dan kelompongan dalam

sistem yang dilakukan oleh segelintir anggota, dan seharusnya berusaha untuk memperbaikinya. Tindakan dan hukuman tegas perlu dilaksanakan kepada mereka yang terlibat dalam kegiatan rasuah, termasuklah mengeluarkan mereka dari pasukan.

## PENGAKUAN

Perbincangan artikel ini tidak ada konflik kepentingan mana-mana pihak.

## RUJUKAN

- Arksey, H., & O'Malley, L. 2005. Scoping studies: towards a methodological framework. *International Journal of Social Research Methodology*, 8(1), 19-32.
- Aung, T., & May, W. W. 2019. Public trust in the myanmar police force: exploring the influencing factors. in the search for peace in Myanmar: *Investigating Top-Level and Ground-Level Perspectives*, 65.
- Bak, M. 2019. *Overview of corruption and anti-corruption in Myanmar*. U4 Anti- Corruption Resource Centre. Transparency International.
- Bank Dunia. 2020. *Combating corruption*. Diakses daripada <https://www.worldbank.org/en/topic/governance/brief/anti-corruption>
- Batalla, E. V. C. 2019. Police corruption and its control in the Philippines. *Asian Education and Development Studies*, 9(2), 157-168.
- Berita Harian. 2021a. Nicky Liow 'bela' 34 pegawai penguat kuasa. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/801844/nicky-liow-bela-34-pegawai-penguat-kuasa>
- Berita Harian. 2021b. Siasatan dalaman kes pegawai polis minta suapan RM200,000. Diakses daripada, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/838064/siasatan-dalaman-kes-pegawai-polis-minta-suapan-rm200000>
- Franck, A. K. 2019. Corrupt (ing) borders: Navigating urban immigration policing in Malaysia. *Geopolitics*, 24(1), 251-269.
- Harryarsana, G. K. B. 2019. The Authority of Police Discretion in Actualizing the Repressively Fair Law Enforcement in Indonesia. *Journal of Law, Policy & Globalization*, 82, 125-131.
- Hassan, N., Razali, S. M., & Mohamad, M. S. 2021. Cabaran polis dan tentera mendepani pandemik Covid-19. *e-Bangi*, 18(3), 241-252.
- Jensen, S., & Hapal, K. 2018. Police violence and corruption in the Philippines: Violent exchange and the war on drugs. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(2), 39-62.
- Lee, K.Y. 2000. *From third world to first, The Singapore story: 1965–2000*. Times Media: Singapore.
- Levac, D., Colquhoun, H., & O'Brien, K. K. 2010. Scoping studies: advancing the methodology. *Implementation Science*, 5(1), 1-9.
- Luong, H. T. 2020. The organisational structure of transnational narcotics trafficking groups in Southeast Asia: a case study of Vietnam's border with Laos. *Trends in Organized Crime*, 23(4), 385-411.

- Maung, A. M. 2020. Administrative reform in the myanmar police force: decision-making and community-based policing. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 39(3), 428-443.
- Mendoza, R. U., Ilac, E. J. D., Francisco, A. T., & Casilao, J. M. S. (2021). Diagnosing factors behind officers' performance in the Philippine National Police. *Police Practice and Research*, 22(4), 1408-1424.
- Mian Yie, S. Y. & Abd. Rahman, H. R. 2018. Brunei Darussalam's perspective: the latest regional trends in corruption & effective countermeasures. *Twelfth Regional Seminar on Good Governance for Southeast Asian Countries*. Diakses daripada [https://www.unafei.or.jp/publications/pdf/GG12/13\\_GG12\\_CP\\_Brunei.pdf](https://www.unafei.or.jp/publications/pdf/GG12/13_GG12_CP_Brunei.pdf)
- Naylor, R. T. 2003. Towards a general theory of profit-driven crimes. *British Journal of Criminology*, 43(1), 81-101.
- Ngich, L. M., & Cho, W. 2020. Addressing police corruption in Southeast Asia: Politics, participation, and public management reform. *Special Issue, 1*, 9-34.
- Nguyen, O., Le, T. Q., & Luong, H. T. 2020. Police failure in identifying victims of human trafficking for sexual exploitation: an empirical study in Vietnam. *Journal of Crime & Justice*, 43(4), 502-517.
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., ... & Moher, D. 2021. The PRISMA 2020 statement: an updated guideline for reporting systematic reviews. *BMJ*, 372 (72), 1-9.
- Prateppornnarong, D. & Young, R. (2018). A critique of the internal complaints system of the Thai police. *Policing and Society*, 29(1), 18-35.
- Quah, J. S. 1982. Bureaucratic corruption in the ASEAN countries: a comparative analysis of their anti-corruption strategies. *Journal of Southeast Asian Studies*, 13(1), 153-177.
- Quah, J. S. 2018a. Combating Corruption in Asian Countries: Learning from Success & Failure. *Daedalus*, 147(3), 202-215.
- Quah, J. S. 2018b. Why Singapore works: five secrets of Singapore's success. *Public Administration and Policy*, 21(1), 5-21.
- Quah, J. S. 2020. Combating police corruption in Indonesia: cleansing the buaya (crocodile). *Asian Education and Development Studies*, 9(2), 129-143.
- Quah, J. S. 2021. Breaking the cycle of failure in combating corruption in Asian countries. *Public Administration and Policy*, 24(2), 125-138.
- Said, J., Alam, M. M., Karim, Z. A., & Johari, R. J. 2018. Integrating religiosity into fraud triangle theory: findings on Malaysian police officers. *Journal of Criminological Research, Policy & Practice*, 4(2), 111-123.
- Said, J., Alam, M. M., Karim, Z. A., & Johari, R. J. 2018. Integrating religiosity into fraud triangle theory: findings on Malaysian police officers. *Journal of Criminological Research, Policy & Practice*, 4(2), 111-123.
- Schoeberlein, J. 2020. *Corruption in ASEAN: regional trends from the 2020 Global Corruption Barometer and country spotlights*. Transparency International.
- The Jakarta Post. 2020. Two police generals indicted for accepting bribes of Rp 8.3b from Djoko Tjandra. Diakses daripada <https://www.thejakartapost.com/news/2020/11/02/two-police-generals-indicted-for-accepting-bribes-of-rp-8-3b-from-djoko-tjandra.html>
- Transparency International. 2020. Global corruption barometer Asia 2020. Diakses daripada <https://www.transparency.org/en/gcb/asia/asia-2020>



- UNCTAD. 2020. *Investment flows to developing Asian countries to fall 30% to 45% due to COVID-19, says UN report*. Diakses daripada <https://unctad.org/press-material/investment-flows-developing-asian-countries-fall-30-45-due-covid-19-says-un-report>
- Walker, S. E. & Archbold, C. A. 2020. *The new world of police accountability*. Thousand Oaks, California: Sage.
- Yang, X., Ma, L., Zhao, X., & Kankanhalli, A. 2020. Factors influencing user's adherence to physical activity applications: A scoping literature review and future directions. *International Journal of Medical Informatics*, 134, 1-11.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **NAZIRAH HASSAN**

Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
nazirah@ukm.edu.my